



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

GARIS PANDUAN PENTADBIRAN

PENTAKSIRAN ALTERNATIF PENDIDIKAN RENDAH

EDISI KETIGA

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
BAB 1 PENGENALAN	1
BAB 2 DEFINISI	3
BAB 3 DASAR Punca Kuasa Syarat Pendaftaran Calon	6
BAB 4 KONSEP PAPR Kerangka Konsep Dokumen Standard Kebolehan (DSK) Instrumen Pentaksiran Pelaporan	8
BAB 5 PENGOPERASIAN PAPR Pengoperasian Prosedur Keselamatan	13
BAB 6 APLIKASI PENGURUSAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF Latar Belakang Skop Aplikasi PAPR Manual Pengguna Tanggungjawab Sekolah	22
BAB 7 PENGURUSAN SEKOLAH DAN PERSONEL PENTAKSIRAN Pendaftaran Sekolah dan Personel Pentaksiran Pertukaran Status Pengguna	25
BAB 8 PENGURUSAN CALON Pendaftaran Calon Calon Pindah Masuk/ Pindah Keluar Calon Pindah Ke Sekolah Yang Tidak Melaksanakan PAPR Calon Tangguh Calon Tamat Pentaksiran Pengurusan Kes Khas	28
BAB 9 PENGURUSAN PENTAKSIRAN Penyelarasan Tugas Pengesahan Standard Kebolehan	36

BAB 10	PROGRAM BIMBINGAN BERTERUSAN PAPR (PBB PAPR)	HALAMAN
	Pengenalan	39
	Modul PBB PAPR	
	Jawatankuasa Bimbingan PAPR (JB PAPR)	
	Aktiviti PBB PAPR	
	Singkatan dan Penerangan	46
	LAMPIRAN	
	Lampiran 1: Surat Pelantikan Personel Pentaksir Bagi PAPR	48
	Lampiran 2: Surat Kebenaran Melaksanakan PAPR	50
	Lampiran 3: Akuan Kebenaran Melaksanakan PAPR	51
	Lampiran 4: Borang Pendaftaran Calon	52
	RAJAH	
	Rajah 1: Model ERRRA	8
	Rajah 2: Standard Kebolehan	10
	Rajah 3: Contoh Pelaporan PAPR MBPK Tahap 2	11
	JADUAL	
	Jadual 1: Senarai Konstruk	9

BAB 1

PENGENALAN

1.0	PENGENALAN
------------	-------------------

Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR) adalah pentaksiran formal yang holistik, autentik, bersepadu dan berpusatkan murid. Pentaksiran ini bertujuan mengesan kebolehan dalam ketidakbolehan (tapping into ability) murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) bagi mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

PAPR diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan dilaksanakan secara berterusan supaya aktiviti pengajaran dan pentaksiran tidak dilihat secara berasingan. Pelaksanaan aktiviti merupakan eviden bagi menggambarkan kebolehan MBPK yang sebenar.

Garis Panduan Pentadbiran PAPR ini adalah bertujuan untuk memberi panduan dari segi pentadbiran, pelaksanaan dan penjaminan kualiti PAPR kepada pegawai perkhidmatan pendidikan di bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), sekolah dan pentaksir yang terlibat bagi memastikan PAPR dilaksanakan dengan aplikasiatik dan lancar. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama Peraturan–Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, surat makluman dan arahan berkaitan yang sedang berkuat kuasa serta yang akan diedarkan dari semasa ke semasa. Garis panduan ini terpakai kepada semua sekolah yang melaksanakan PAPR.

BAB 2

DEFINISI

2.0	DEFINISI
-----	----------

a) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 menjelaskan bahawa "murid berkeperluan pendidikan khas" ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai:

- i. ketidakupayaan penglihatan;
- ii. ketidakupayaan pendengaran;
- iii. ketidakupayaan pertuturan;
- iv. ketidakupayaan fizikal;
- v. masalah pembelajaran; atau
- vi. mana-mana kombinasi ketidakupayaan, atau ketidakupayaan dan masalah, yang disebut dalam perenggan 23 (a) hingga (e).

b) Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR) merupakan satu bentuk pentaksiran khusus untuk mengenal pasti potensi dan kemahiran asas yang dimiliki oleh MBPK. PAPR dapat mengesan kebolehan MBPK berdasarkan konstruk tertentu bagi mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

c) *Environment-Reaction-Recognition-Acknowledgement* (ERRA) ialah model pentaksiran yang digunakan dalam pembangunan instrumen dan pelaksanaan pentaksiran PAPR.

d) Dokumen Standard Kebolehan (DSK) ialah dokumen yang mengandungi perincian konstruk dan standard kebolehan sebagai rujukan untuk melaksanakan pentaksiran.

e) Standard Kebolehan ialah indikator yang digunakan untuk menentukan tahap, peringkat dan kualiti bagi kebolehan calon PAPR.

- f) Instrumen Pentaksiran Berasaskan Persekitaran** (Environment-Based Assessment Instrument – EBAI) ialah instrumen pentaksiran yang digunakan untuk mentaksir kebolehan calon PAPR.

- g) MyALT** ialah satu aplikasi yang dibangunkan untuk pengurusan, pentadbiran dan pentaksiran PAPR yang boleh diakses melalui portal dan aplikasi mudah alih. Aplikasi ini mempunyai integrasi dengan MOEIS bagi data calon, guru dan institusi.

BAB 3

DASAR

3.0	DASAR
------------	--------------

a) Punca Kuasa

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) Bil. 3/2022 bertarikh 22 Disember 2022
- ii. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (MPKPM) Bil. 9/2023 bertarikh 6 April 2023
- iii. Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bilangan 1 Tahun 2023: Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Mulai Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 bertarikh 27 Jun 2023

b) Syarat pendaftaran adalah seperti yang berikut:

- i. MBPK yang berada di sekolah KPM atau sekolah bantuan kerajaan atau sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM;
- ii. Mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Tahap 2; **dan**
- iii. Mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga secara bertulis untuk melaksanakan PAPR (rujuk Lampiran 2 dan 3)

BAB 4


KONSEP PAPR

4.0	KONSEP PAPR
-----	-------------

a) Kerangka Konsep

PAPR dibangun menggunakan model ERRA sebagai kerangka dalam pembangunan instrumen dan pelaksanaan pentaksiran. Model ini memperkenalkan pentaksiran berasaskan persekitaran, melibatkan reaksi yang diperhatikan dan direkod untuk dijadikan sebagai eviden bagi mengenal pasti kebolehan dan kemahiran MBPK berdasarkan standard kebolehan yang telah ditetapkan. Hasil pengenalanpastian tersebut dilaporkan sebagai satu pengiktirafan terhadap tahap kebolehan MBPK bagi konstruk yang ditaksir.

KERANGKA PENTAKSIRAN MODEL ERRA



Rajah 1: Model ERRA

b) Dokumen Standard Kebolehan (DSK)


- i. DSK dibangun sebagai dokumen pentaksiran yang mengandungi perincian standard kebolehan bagi setiap konstruk yang ditaksir. Dokumen ini digunakan bersama-sama EBAI bagi mengenal pasti tahap kebolehan calon yang ditaksir berdasarkan reaksi daripada pelaksanaan pentaksiran.

- ii. Konstruk yang ditaksir dalam PAPR diperincikan kepada empat domain, enam elemen dan 24 *outcome* seperti dalam **Jadual 1**.

Domain	1: Kerohanian dan Nilai Murni	2: Akademik Fungsian		3: Pembangunan Personal dan Kemahiran Interpersonal		4: Hidup Berdikari
Elemen	1.1 Nilai Murni	2.1 Literasi	2.2 Numerasi	3.1 Komunikasi	3.2 Kemahiran	4.1 Pengurusan Diri
Outcome	1.1.1: Rajin	2.1.1: Pramemba ca	2.2.1: Pranombor	3.1.1: Mendengar	3.2.1: Motor Kasar	4.1.1: Makan dan Minum
	1.1.2: Kerjasama	2.1.2: Membaca	2.2.2: Membilang	3.1.2: Bertutur	3.2.2: Motor Halus	4.1.2: Berpakaian
	1.1.3: Kasih sayang	2.1.3: Pramenulis	2.2.3: Mengukur	3.1.3: Interaksi Sosial	3.2.3: Kemahiran Hidup	4.1.3: Penggunaan Tandas
	1.1.4: Tanggungjawab	2.1.4: Menulis	2.2.4: Menghitung		3.2.4: Penggunaan Teknologi	4.1.4: Kebersihan Diri dan Persekitaran
						4.1.5: Keselamatan Diri dan Persekitaran

Jadual 1: Senarai Konstruk

- iii. Penentuan standard kebolehan adalah merangkumi tahap (ilmu, amal, adab), peringkat (diri, keluarga, masyarakat) dan kualiti (ada, cukup, lebih) seperti **Rajah 2**.



Rajah 2: Standard Kebolehan

c) Instrumen Pentaksiran

Instrumen PAPR adalah berdasarkan situasi sebenar kehidupan yang bersifat dinamik yang dikenali sebagai EBAI. EBAI dibangun menggunakan model ERRA dan merupakan dokumen lengkap yang mengandungi senarai reaksi yang dilaksanakan oleh calon dan ditaksir oleh guru.

d) Pelaporan

- Pelaporan PAPR merupakan maklumat asas bagi persediaan pembelajaran dan pentaksiran MBPK di sekolah menengah.
- Pelaporan PAPR adalah berbentuk pernyataan standard kebolehan berkaitan konstruk yang telah ditaksir. Pelaporan ini akan diberikan kepada MBPK yang menamatkan persekolahan peringkat sekolah rendah. Contoh Pelaporan PAPR adalah seperti dalam **Rajah 3**.



**PELAPORAN
PENTAKSIRAN ALTERNATIF PENDIDIKAN RENDAH (PAPR)
SESI AKADEMIK 2024/2025
SEKOLAH KEBANGSAAN AMINUDDIN BAKI**

NAMA : AHMAD BIN ALI
NO. KAD PENGENALAN : 120203-14-0001
NO. KAD OKU : LD0000057345

DOMAIN : KEROHANIAN DAN NILAI MURNI			
ELEMEN	OUTCOME	STANDARD KEMAMPUAN	PERNYATAAN
NILAI MURNI	Rajin	Adab-Diri (Cukup)	Murid mengamalkan sikap rajin.
	Kerjasama	Amal-Keluarga (Lebih)	Murid menunjukkan sikap bekerjasama dalam kalangan rakan, guru atau PPM.
DOMAIN : AKADEMIK FUNGSIAN			
ELEMEN	OUTCOME	STANDARD KEMAMPUAN	PERNYATAAN
LITERASI	Membaca	Adab-Diri (Cukup)	Murid boleh memberi respons secara lisan atau bahasa isyarat terhadap ayat yang dibaca.
	Menulis	Amal-Diri (Ada)	Murid boleh menulis perkataan, frase atau ayat.
NUMERASI	Mengukur	Amal-Diri (Lebih)	Murid boleh mengukur menggunakan peralatan yang sesuai.
	Menghitung	Ilmu-Diri (Cukup)	Murid tahu konsep operasi asas matematik.
DOMAIN : PEMBANGUNAN PERSONAL DAN KEMAHIRAN INTERPERSONAL			
ELEMEN	OUTCOME	STANDARD KEMAMPUAN	PERNYATAAN
KOMUNIKASI	Bertutur	Amal-Keluarga (Lebih)	Murid boleh bertutur dan menyampaikan maklumat kepada rakan, guru atau PPM.
	Interaksi Sosial	Amal-Keluarga (Ada)	Murid boleh berinteraksi dengan rakan, guru atau PPM.
KEMAHIRAN	Motor Halus	Adab-Diri (Lebih)	Murid boleh melakukan pelbagai pergerakan motor halus.
	Kemahiran Hidup	Amal-Keluarga (Ada)	Murid boleh menggunakan ilmu kemahiran hidup dalam tugas bersama-sama rakan, guru atau PPM.
DOMAIN : HIDUP BERDIKARI			
ELEMEN	OUTCOME	STANDARD KEMAMPUAN	PERNYATAAN
PENGURUSAN DIRI	Makan dan Minum	Adab-Masyarakat (Ada)	Murid mengamalkan adab makan dan minum dalam kalangan warga sekolah atau komuniti.
	Berpakaian	Amal-Keluarga (Lebih)	Murid boleh berpakaian dengan sopan dalam kalangan rakan, guru atau PPM.
	Kebersihan Diri dan Keselamatan	Adab-Keluarga (Lebih)	Murid membudayakan kebersihan diri dan persekitaran kelas bersama-sama rakan, guru atau PPM.

Tandatangan Guru Besar

Cap Sekolah

Rajah 3: Contoh Pelaporan PAPR MBPK Tahap 2

BAB 5

PENGOPERASIAN

PAPR

5.0	PENGOPERASIAN PAPR
------------	---------------------------

5.1 Pengoperasian**a) Personel PAPR**

Personel PAPR merupakan pegawai daripada KPM, JPN, PPD dan sekolah yang bertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir dan melaksanakan PAPR.

Kategori Personel PAPR terdiri daripada:

Personel Pengurusan	
i.	Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan (LP)
ii.	Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
iii.	Pegawai Pendidikan Daerah (PPD)
iv.	Pengetua/Guru Besar (PGB)

Personel Pentadbiran	
i.	Penolong Kanan Pentadbiran (PKP)/ Penolong Kanan Pendidikan Khas (PKPK)/ Penyelaras Program Pendidikan Khas Integrasi Lantikan Dalam (PPPKILD)
ii.	Setiausaha PAPR (Su PAPR)
iii.	Guru Pendidikan Khas (GPK)
iv.	Pembantu Pengurusan Murid (PPM)

Personel Pentaksiran	
i.	Ketua Pentaksir Kebangsaan (KPK)
ii.	Ketua Pentaksir Negeri (KPN)
iii.	Ketua Pentaksir Kawasan (KPKw)
iv.	Pentaksir Kawasan (PKw)
v.	Penolong Kanan Pendidikan Khas (PKPK)/ Penyelaras Program Pendidikan Khas Integrasi Lantikan Dalam (PPPKILD)
vi.	Pentaksir Sekolah (PS)

b) Peranan Dan Tanggungjawab

i. Lembaga Peperiksaan (LP)

- Menyedia dan memuat naik surat makluman serta dokumen PAPR tahun semasa di portal LP.
- Melantik KPK.
- Menyedia dan menyelenggara aplikasi MyALT.
- Mendaftarkan sekolah yang melaksanakan PAPR dalam aplikasi MyALT.
- Mendaftarkan personel pengurusan di JPN dalam aplikasi MyALT.
- Menguruskan Mesyuarat Peningkatan Profesionalisme Pentaksir PAPR Peringkat Kebangsaan.

ii. JPN – Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan (SPP, JPN)

PPD – Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan (SPP, PPD)

- Menerima dan mengedarkan surat makluman kepada sektor yang berkaitan di JPN, PPD dan sekolah bagi memuat turun dokumen PAPR tahun semasa melalui portal LP.
- Memastikan sekolah memuat turun dokumen PAPR tahun semasa melalui portal LP.
- Melantik KPN, KPKw dan PKw.
- Mendaftarkan Personel Pengurusan yang menjalankan tugas Pengetua/Guru Besar (PGB) dalam aplikasi MyALT.
- Menguruskan mesyuarat berkaitan PAPR di peringkat negeri/daerah sebagai urus setia.
- Menubuhkan Jawatankuasa Bimbingan PAPR di peringkat negeri/daerah bagi melaksanakan Program Bimbingan Berterusan PAPR (PBB PAPR).
- Menggunakan Modul PBB PAPR dalam aplikasi MyALT bagi melaksanakan PBB PAPR.
- Menerima permohonan kes khas daripada sekolah (jika ada) untuk dipanjangkan kepada LP.

iii. JPN – Sektor Pendidikan Khas (SPK, JPN)

PPD – Unit Pendidikan Khas (UPK, PPD), Sektor Pembelajaran

- Membantu SPP JPN/SPP PPD menyelaras latihan peningkatan profesionalisme kepada pentaksir PAPR di peringkat negeri/daerah.
- Membantu melaksanakan PBB PAPR di peringkat negeri/daerah berpandukan Modul PBB PAPR dalam aplikasi MyALT bagi memastikan pelaksanaan PAPR mengikut garis panduan.
- Memastikan EBAI yang dilaksanakan menepati dengan KSSRPK.
- Memastikan pihak sekolah melaksanakan EBAI yang telah dirancang.

iv. JPN – Sektor Pembelajaran (SPb, JPN)

PPD – Sektor Pembelajaran (SPb, PPD)

- Membantu SPP JPN/SPP PPD menyelaras latihan peningkatan profesionalisme kepada pentaksir PAPR di peringkat negeri/daerah.
- Membantu melaksanakan PBB PAPR di peringkat negeri/daerah berpandukan Modul PBB PAPR dalam aplikasi MyALT bagi memastikan pelaksanaan PAPR mengikut garis panduan.
- Membantu memastikan pihak sekolah melaksanakan PAPR.

v. KPK/KPN/KPKw/PKw

- Melaksanakan penataran EBAI PAPR di peringkat kebangsaan/negeri/daerah.
- Memastikan pelaksanaan EBAI dan penentuan standard kebolehan calon berdasarkan DSK PAPR.
- Membantu LP/JPN/PPD melaksanakan program bimbingan berterusan (PBB PAPR) di peringkat kebangsaan/negeri/daerah mengikut keperluan.
- Membantu LP/JPN/PPD melaksanakan mesyuarat/taklimat/aktiviti berkaitan PAPR di peringkat kebangsaan/negeri/daerah.

vi. Pengetua/Guru Besar (PGB)

- Menerima surat makluman untuk memuat turun dokumen PAPR tahun semasa di portal LP.
- Menerima taklimat pengoperasian dan pelaksanaan PAPR daripada JPN/PPD.
- Memberi taklimat pengoperasian dan pelaksanaan PAPR kepada Personel Pentadbiran dan Personel Pentaksiran.
- Memastikan PKP/PKPK/PPPKILD menyediakan jadual kerja PAPR di peringkat sekolah.
- Memastikan pelaksanaan pentaksiran PAPR mengikut jadual kerja yang ditetapkan oleh sekolah.
- Menghantar permohonan pendaftaran PAPR kepada LP melalui JPN.
- Mengemas kini data dan kata laluan dalam aplikasi MyALT.
- Melantik PKP/PKPK/PPPKILD, Su PAPR dan PS yang terlibat dalam PAPR melalui aplikasi MyALT.
- Mengesahkan pentaksiran bagi calon yang pindah/tangguh/tamat pentaksiran.
- Memastikan personel yang dilantik menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam/Komuniti).
- Membenarkan KPK/KPN/KPKw/PKw untuk melaksanakan semakan secara rawak standard kebolehan calon yang telah direkodkan.
- Melaksanakan pengesahan standard kebolehan calon mengikut jadual kerja sekolah.
- Memastikan pelaporan boleh dijana melalui aplikasi MyALT.
- Mengemukakan permohonan kes khas kepada JPN (Rujuk perkara 7.6)

vii. PKP/PKPK/PPPKILD

- Menerima taklimat pengoperasian dan pelaksanaan PAPR daripada PGB.
- Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi Personel PAPR.
- Merancang jadual kerja PAPR di peringkat sekolah.
- Memastikan Su PAPR menyerahkan jadual kerja peringkat sekolah kepada PS.
- Mengurus dan menyelaraskan pengoperasian PAPR di peringkat sekolah.
- Merancang/menyedia/menyelaraskan jadual pembahagian tugas EBAI kepada PS.
- Memastikan ruang/lokasi/tempat pentaksiran sesuai dan kondusif untuk melaksanakan EBAI.
- Merancang dan menetapkan EBAI yang sesuai untuk dilaksanakan mengikut PdP.
- Menyelia dan memastikan data calon dalam aplikasi MyALT di peringkat sekolah dikemas kini.
- Menyelia pendaftaran sekolah, calon dan PS dalam aplikasi MyALT.
- Melaksanakan PBB PAPR berpandukan Modul PBB PAPR dalam aplikasi MyALT.
- Memastikan eviden dan standard kebolehan calon direkod dalam aplikasi MyALT.
- Mengurus mesyuarat JB PAPR untuk membuat semakan bagi memastikan eviden dan standard kebolehan calon yang direkod adalah tepat.
- Mengurus dan melaporkan kes khas kepada PGB.

viii. Su PAPR

- Menerima taklimat pengoperasian dan pelaksanaan PAPR daripada PGB.
- Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi Personel PAPR.

- Membantu PKP/PKPK/PPPKILD menyediakan jadual kerja PAPR di peringkat sekolah.
- Memastikan ruang/lokasi/tempat pentaksiran sesuai dan kondusif untuk pelaksanaan EBAI.
- Memastikan PS menerima notifikasi e-mel dan mengesahkan nama pengguna (user ID) dan kata laluan yang diterima untuk aplikasi MyALT.
- Menguruskan pendaftaran, calon dan PS dalam aplikasi MyALT.
- Mengemaskini data calon pindah masuk/pindah keluar dan tamat dalam aplikasi MyALT (Rujuk Perkara 7.1)
- Melaksanakan PBB PAPR berpandukan Modul PBB PAPR melalui aplikasi MyALT.
- Membantu mengurus mesyuarat JB PAPR untuk membuat semakan bagi memastikan eviden dan standard kebolehan calon yang direkod adalah tepat.
- Membantu PKP/PKPK/PPPKILD menguruskan kes khas.

ix. Pentaksir Sekolah (PS)

- Menerima taklimat pengoperasian dan pelaksanaan PAPR daripada PGB.
- Menerima notifikasi e-mel dan mengesahkan nama pengguna (user ID) dan kata laluan yang diterima untuk aplikasi MyALT.
- Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi Personel PAPR.
- Melaksanakan PAPR mengikut jadual pembahagian tugas yang telah ditetapkan.
- Merekod eviden dan standard kebolehan calon dalam aplikasi MyALT.
- Menghadiri mesyuarat JB PAPR untuk membuat semakan bagi memastikan eviden dan standard kebolehan calon yang direkod adalah tepat.
- Melaporkan kes khas kepada Su PAPR.

x. Pembantu Pengurusan Murid (PPM)

- Menerima taklimat pengoperasian dan pelaksanaan PAPR daripada PGB.
- Membantu Personel Pentadbiran dan Personel Pentaksiran menguruskan calon PAPR.

c) Pelantikan Pentaksir

i. Kriteria Pelantikan Pentaksir

Personel Pentaksiran yang berkualiti perlu mempunyai pengetahuan dalam konsep dan prinsip PAPR. Ilmu pentaksiran yang autentik serta integriti yang tinggi adalah perlu bagi menyempurnakan tugas dan tanggungjawab sebagai personel pentaksiran.

ii. Pelantikan Personel Pentaksiran

Personel pentaksiran yang dilantik adalah seperti berikut:

PERSONEL	JUMLAH	LANTIKAN
Ketua Pentaksir Kebangsaan (KPK)	1 KPK	Lantikan LP
Ketua Pentaksir Negeri (KPN)	1 KPN setiap negeri	Lantikan JPN/PPD
Ketua Pentaksir Kawasan (KPKw)	1 KPKw setiap daerah	
Pentaksir Kawasan (PKw)	1 PKw bagi setiap 3 hingga 5 sekolah	
Pentaksir Sekolah (PS)	Guru yang memenuhi syarat pelantikan sebagai pentaksir – mengikut keperluan	PGB

iii. Syarat Pelantikan Pentaksir KPK/KPN/KPKw/PKw/PS:

- Pegawai Perkhidmatan Pendidikan;
- Mengajar murid PPKI/SKPK;
- Telah didaftarkan dalam aplikasi MyALT;
- Mematuhi jadual kerja dan Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran PAPR (GP PP PAPR);
- Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi Personel PAPR;
- Menguasai komponen PBB PAPR dan cara pelaksanaan;
- Berintegriti dan mempunyai ciri kepimpinan yang baik;
- Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib; dan
- Pelantikan adalah pada tahun semasa.

5.1 Prosedur Keselamatan

a) Personel PAPR

Semua Personel PAPR hendaklah dilantik secara rasmi dan menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam) yang hanya ditandatangani sekali sahaja dalam tahun semasa.

b) Eviden Calon

- i. Eviden calon adalah dokumen terperingkat. Sekolah bertanggungjawab untuk menguruskan eviden calon mengikut prosedur keselamatan.
- ii. Sebarang permohonan untuk memuat naik eviden calon ke media sosial perlu mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga calon. *[Rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 11 tahun 2023 bertarikh 4 Oktober 2023 - Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial KPM Para 5.3 (vi) Memuat naik kandungan multimedia yang berkaitan dengan pentadbir sekolah, guru, murid, ibu bapa atau penjaga tanpa kebenaran.]*

BAB 6

APLIKASI PENGURUSAN

PENTAKSIRAN

ALTERNATIF

6.0	PENGOPERASIAN
------------	----------------------

6.1 Latar Belakang

LP telah membangunkan aplikasi khusus untuk digunakan dalam pengurusan Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) dan Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR). Aplikasi ini digunakan sepenuhnya bermula dengan pendaftaran calon sehingga kepada penjana sijil digital dan pelaporan pentaksiran.

6.2 Skop Aplikasi MyALT

Sekolah yang terlibat dalam pengurusan pentaksiran alternatif hendaklah memastikan pentaksiran dilaksanakan melalui aplikasi yang telah ditetapkan oleh LP secara menyeluruh. Pengurusan pentaksiran ini termasuk pendaftaran sekolah, pelantikan pentaksir, pendaftaran calon, perekodan pentaksiran, penjana transkrip dan laporan serta analisis. Skop penggunaan aplikasi merangkumi perkara berikut:

- a) Pengguna aplikasi ini adalah didaftarkan dan disahkan berdasarkan peraturan dan dasar yang ditetapkan oleh LP;
- b) Pentaksiran dilaksanakan mengikut tatacara, standard dan proses kerja yang ditetapkan oleh LP;
- c) Semua dokumen berkaitan pengurusan, pentadbiran, pentaksiran dan pengoperasian boleh diakses dan dijana melalui aplikasi. Pengguna aplikasi hendaklah menggunakan sepenuhnya dokumen elektronik yang disediakan seperti surat pelantikan, dokumen latihan, sijil penyertaan dan pelaporan;
- d) Sekiranya berlaku gangguan aplikasi yang disahkan oleh LP, sekolah dan pengguna boleh memohon pembetulan ralat dilakukan melalui saluran rasmi; dan
- e) Sekolah hendaklah memastikan dokumen yang dicetak melalui aplikasi diuruskan berdasarkan peraturan keselamatan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

6.3 Manual Pengguna

Manual pengguna boleh dicapai secara dalam talian melalui menu yang disediakan pada aplikasi MyALT.

6.4 Tanggungjawab Sekolah

Semua sekolah yang melaksanakan pentaksiran alternatif hendaklah memastikan pentaksiran dilaksanakan sepenuhnya melalui aplikasi MyALT. Pengurusan pentaksiran alternatif LP adalah seperti berikut:


- a) Sekolah hendaklah memastikan pentaksiran dilaksanakan mengikut Garis Panduan Pentadbiran PAPR dan arahan pentaksiran semasa yang berkuat kuasa;
- b) Sekolah bertanggungjawab untuk memastikan pengguna aplikasi MyALT:
 - i. mengemukakan permohonan dan menerima pengesahan akaun pengguna dan seterusnya mendapat akses bersesuaian dengan peranan pengguna;
 - ii. menggunakan aplikasi selaras dengan proses kerja yang telah ditetapkan oleh LP; dan
 - iii. melaporkan sebarang aduan dan isu berkaitan melalui saluran rasmi.

BAB 7


PENGURUSAN SEKOLAH

DAN PERSONEL PAPR


7.0	PENGURUSAN SEKOLAH DAN PERSONEL PAPR
------------	---

7.1 Pendaftaran Sekolah dan Personel PAPRa) Carta alir pendaftaran sekolah dalam aplikasi MyALT:

b) Carta alir pendaftaran Personel PAPR lantikan JPN:



c) Carta alir pendaftaran Personel Pentaksiran lantikan PGB:



BAB 8


PENGURUSAN

CALON

8.0 PENGURUSAN CALON


8.1 Pendaftaran Calon

Carta alir pendaftaran calon:




8.2 Calon Pindah Masuk/Pindah Keluar

Carta alir bagi pengurusan calon berpindah sekolah dalam/antara/daerah/negeri:




8.3 Calon Pindah Ke Sekolah Yang Tidak Melaksanakan PAPR

Carta alir pengurusan permohonan calon pindah ke sekolah yang tidak melaksanakan PAPR:




8.4 Calon Tangguh

Carta alir pengurusan permohonan calon tangguh pentaksiran:



8.5 Calon Tamat Pentaksiran (Calon Akhir)

Carta alir pengurusan calon tamat pentaksiran (calon akhir):



8.6 Pengurusan Kes Khas


a) Permohonan kes khas yang memerlukan kelulusan daripada **Pengarah Peperiksaan** adalah seperti berikut:

- i. pendaftaran PAPR di sekolah baharu;
- ii. penamatan pentaksiran calon akhir di luar tempoh yang ditetapkan;
- iii. penukaran status calon daripada 'tamat pentaksiran' kepada 'aktif';
- iv. pembatalan/pengguguran/penggantian eviden/standard kebolehan calon yang telah disahkan oleh PGB;
- v. pendaftaran semula calon PAPR yang telah ditamatkan pentaksiran/sekolah.

b) Peranan dan Tindakan

- i. **Pengetua/Guru Besar:**
 - Mengemukakan justifikasi permohonan kes khas.
 - Menghantar permohonan kes khas kepada JPN.
- ii. **Jabatan Pendidikan Negeri:**
 - Menerima permohonan kes khas daripada pihak sekolah.
 - Meneliti justifikasi sama ada relevan atau tidak.
 - JPN menghantar permohonan kepada Pengarah Peperiksaan.
 - Memaklumkan keputusan kes khas kepada sekolah.
- iii. **Lembaga Peperiksaan:**
 - Menerima permohonan kes khas daripada JPN.
 - Menguruskan kes khas yang dimohon.
 - Mendapatkan kelulusan Pengarah Peperiksaan.
 - Memaklumkan keputusan kes khas kepada sekolah melalui JPN.

c) Carta alir pengurusan permohonan kes khas:




8.7 Pertukaran Status Pengguna


a) Status pengguna Personel Pengurusan, Personel Pentadbiran dan Personel Pentaksiran perlu ditukar apabila berlaku perkara berikut:

- i. Berpindah;
- ii. Bersara;
- iii. Meninggal dunia;
- iv. Sakit berpanjangan;
- v. Menjalankan tugas Pengetua/Guru Besar;
- vi. Kenaikan pangkat;
- vii. Cuti dalam perkhidmatan;
- viii. Cuti melanjutkan pelajaran;
- ix. Kes tatatertib.

b) Carta Alir Pengurusan Pertukaran Status Pengguna Personel Pentadbiran:



c) Carta Alir Pengurusan Pertukaran Status Pengguna Personel
Pentaksiran:



BAB 9


PENGURUSAN

PENTAKSIRAN


9.0	PENGURUSAN PENTAKSIRAN
------------	-------------------------------

9.1 Penyelarasan Tugas

- i. Penyelarasan tugas ditadbir oleh Personel Pentadbiran dan Personel Pentaksiran dengan merancang dan menyelaraskan jadual pembahagian tugas serta menetapkan EBAI yang sesuai untuk dilaksanakan di sekolah.
- ii. Carta alir penyelarasan tugas pentaksiran:


**9.2 Pengesahan Standard Kebolehan**

- i. Pentaksiran yang telah dilaksanakan oleh PS perlu disahkan sebelum pelaporan dijana dan dicetak.
- ii. Carta alir pengesahan standard kebolehan:



9.3 Penjanaan dan Percetakan Pelaporan

- i. Pelaporan pentaksiran yang telah disahkan boleh dijana dan dicetak melalui aplikasi MyALT.
- ii. Carta alir penjanaan dan percetakan pelaporan:



BAB 10

PROGRAM BIMBINGAN

BERTERUSAN PAPR

(PBB PAPR)

10.0	PROGRAM BIMBINGAN BERTERUSAN PAPR (PBB PAPR)
------	--

10.1 Pengenalan

- a) PBB PAPR adalah satu pendekatan baharu untuk menjamin kualiti pelaksanaan PAPR di sekolah. PBB PAPR diperkenalkan dengan menggunakan konsep bimbingan kepada personel PAPR bagi memastikan proses pentaksiran dilaksanakan sebagaimana yang digariskan.
- b) PBB PAPR dilaksanakan secara berterusan sepanjang tempoh pentaksiran.
- c) PBB PAPR adalah program bimbingan profesional yang sistematik menggunakan Modul PBB PAPR melalui aplikasi MyALT.
- d) PBB PAPR dilaksanakan oleh JB PAPR yang ditubuhkan di peringkat LP, JPN, PPD dan sekolah.

10.2 Modul PBB PAPR

- a) Modul PBB PAPR dalam aplikasi MyALT mengandungi aktiviti pemantauan, penyelarasan, pengesanan dan pementoran sebagai panduan melaksanakan PAPR mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LP.
- b) Aktiviti dalam Modul PBB PAPR adalah seperti yang berikut:
 - i. **Pemantauan** – dilaksanakan untuk memastikan PAPR ditadbir dan dilaksanakan mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan.
 - ii. **Penyelarasan** – dilaksanakan untuk memastikan keseragaman pelaksanaan pentaksiran serta ketepatan dalam penentuan standard kebolehan calon.
 - iii. **Pengesanan** – dilaksanakan untuk mengesan kekuatan dan kelemahan EBAI serta pelaksanaan PAPR di sekolah.
 - iv. **Pementoran** – dilaksanakan untuk membimbing, memudah cara dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kefahaman guru dalam melaksanakan PAPR mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan.

10.3 Jawatankuasa Bimbingan PAPR (JB PAPR)

- a) JB PAPR terdiri daripada personel PAPR yang dilantik oleh LP, JPN, PPD dan Pengetua/Guru Besar.
- b) JB PAPR bertanggungjawab melaksanakan PBB PAPR di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan sekolah.
- c) JB PAPR ditubuhkan seperti yang berikut:

Peringkat Kebangsaan	
i.	Pengarah Peperiksaan
ii.	Timbalan Pengarah Peperiksaan
iii.	Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
iv.	Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum
v.	Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
vi.	Timbalan Ketua Nazir Sekolah Kanan
vii.	Ketua Penolong Pengarah/Penolong Pengarah LP
viii.	Ketua Pentaksir Kebangsaan

Peringkat Negeri	
i.	Pengarah Pendidikan JPN
ii.	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, JPN
iii.	Sektor Pendidikan Khas, JPN
iv.	Sektor Pembelajaran, JPN
v.	Ketua Pentaksir Negeri

Peringkat Daerah	
i.	Pegawai Pendidikan Daerah
ii.	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, PPD
iii.	Sektor Pembelajaran, PPD
iv.	Ketua Pentaksir Kawasan
